

03 MAR 1997

Croatia-Jamuan

PERDAGANGAN M'SIA-CROATIA MASIH DI TAHAP RENDAH

KUALA LUMPUR, 3 Mac (Bernama) -- Croatia berharap dapat mengembangkan lagi perdagangannya dengan Malaysia memandangkan ia masih berada di tahap yang rendah pada masa ini, kata Perdana Menterinya Zlatko Matesa malam ini.

"Kini kita boleh memberi tumpuan untuk meningkatkan lagi hubungan dua hala selepas mewujudkan pejabat kedutaan masing-masing," katanya pada jamuan rasmi untuk meraikannya yang diberikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Sri Perdana.

Matesa yakin lawatannya ke sini akan memberi insentif kepada kerjasama ekonomi dua hala terutama dalam pembinaan kapal, pembinaan, elektronik dan industri kereta.

Beliau meminta Dr Mahathir supaya menggalakkan lagi ahli-ahli perniagaan Malaysia supaya melabur di Croatia yang mempunyai tenaga mahir dan terlatih serta mempunyai hubungan yang baik dengan pasaran Eropah.

Matesa juga menekankan mengenai kemungkinan mengadakan penyertaan bersama dalam pembinaan dan pembangunan semula Bosnia serta penggunaan Croatia sebagai pangkalan bagi Malaysia untuk menembusi pasaran Eropah Tengah dan Timur.

Selain menganggap Malaysia sebagai rakan yang berpotensi dalam pelbagai bidang termasuk politik dan kepimpinan serantau, ia juga merupakan pintu masuk utama bagi Croatia ke Asia, katanya.

Sambil mengagumi keharmonian yang dicapai di kalangan pelbagai kaum dan agama di Malaysia, beliau berkata Croatia boleh belajar daripada pengalaman Malaysia ketika memperluaskan lagi hubungan dua hala dengan negara-negara jiran.

"Apabila Croatia berupaya menyelesaikan persoalan mengenai masa depannya dengan sendiri dan dengan keyakinan...kita akan terus menyumbang kepada keselamatan dan kemakmuran antarabangsa," katanya.

Beliau juga memuji sumbangan pasukan polis dan tentera Malaysia dalam mencapai keamanan keseluruhan di rantau ini. -- BERNAMA

JM AKD